



JABATAN PERTANIAN
(Department Of Agriculture)
BAHAGIAN BIOSEKURITI TUMBUHAN
(Plant Biosecurity Division)
TINGKAT 1 – 3, WISMA TANI,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50632 KUALA LUMPUR

TEL : 603 – 2030 1400
FAKS : 603 – 2030 3550/3530
Laman Web : www.doa.gov.my

Ruj Tuan :

Ruj Kami : JP.BBT.207/SAFE/14/16 (/)

Tarikh : 27 Mac 2019

SENARAI EDARAN

Tuan,

SIJIL FITOSANITASI UNTUK KAYU DAN HASIL-HASIL KAYU

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Bil 1/2019.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Biosekuriti Tumbuhan telah menyemak semula arahan supaya semua kayu dan hasil-hasil kayu yang hendak dieksport perlu dirawat menggunakan kaedah pewasapan metil bromida. Ini adalah kerana terdapat negara-negara pengimport yang tidak mensyaratkan rawatan tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, rawatan fumigasi hanya perlu dijalankan sekiranya:

- i. negara pengimport mensyaratkan rawatan fumigasi dalam syarat import; atau
- ii. terdapat perosak yang ditemui di dalam konsainan dan rawatan perlu dilakukan untuk menghapuskan perosak tersebut.

Bagi konsainan yang dieksport ke negara-negara yang mensyaratkan rawatan fumigasi, Sijil fitosanitasi hanya akan dikeluarkan selepas rawatan fumigasi berjaya dilaksanakan dan pemeriksaan ke atas konsainan mendapati ianya telah bebas daripada perosak.

4. Arahan ini akan berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dan arahan yang dikeluarkan melalui surat B(FKE).81/100-5/1.Jld.V(81) bertarikh 10 Julai 2008 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(AHMAD KAMIL BIN MOHD YUNUS)

Pengarah

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan



SENARAI EDARAN

1. Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian
2. Ketua Seksyen
Seksyen Akreditasi dan Fasilitasi Eksport
3. Ketua Unit
Unit SPS dan Rundingan Antarabangsa
4. Ketua Unit
Unit Akreditasi dan Pematuhan Eksport
5. Semua K/U Negeri
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri
6. Presiden,
Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia,
19C, 19th Floor, Tower 1,
Menara PGRM, 8 Jalan Pudu Ulu,
Cheras, 56100
Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +60 3 9284 7443
Faks: +60 3 9282 6059